



Adakah Ini Islam?

Panduan untuk
Muslim Baharu

هذا هو الاسلام؟

دليل المسلم الجديد



Shaykh Dr. Haytham Sarhan



#Islam



#MuslimBaharu



#BelajarIslam



#Hidayah



#Sunnah



sarhaan.com

3 Pembahagian Tauhid

Esakan Allah dengan segala apa yang khusus bagi-Nya sahaja dari segi Rububiyyah, Uluhiyyah dan Asma wa Sifat

Jenisnya ada tiga

Tauhid Asma wa Sifat

laitu mengesakan Allah dengan apa yang Allah sendiri namakan dan sifatkan diri-Nya dalam Kitab-Nya atau dengan lisan Rasul-Nya -selawat dan salam ke atas baginda-, dan ithbatkan apa yang Allah sendiri ithbatkan, dan nafikan apa yang Allah nafikan dari diri-Nya, dengan tidak tahrif, dan tidak ta'thil, juga tidak takyif dan tidak tamsil.

Tauhid Uluhiyyah

laitu mengesakan ibadah hanya kepada Allah atau perbuatan-perbuatan hamba-Nya

Tauhid Rububiyyah

laitu mengesakan perbuatan Allah yang khas untuk-Nya sahaja atau mengesakan Allah dengan ciptaan-Nya, kekuasaan-Nya dan pentadbiran-Nya.

Darjat Agama yang tiga

Ihsan

laitu kamu beribadah kepada Allah seakan-akan kamu melihat-Nya, jika kamu tidak berkeadaan melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihatmu

Rukun satu dan dibawahnya ada dua martabat:

1. Ibadah Musyahadah. Beribadah seakan-akan melihat Allah.
2. Ibadah Muraqabah. Jika tidak dalam keadaan melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihatmu.

Iman

laitu berkata dengan lisan, dan iktiqad dengan hati, dan beramal dengan anggota badan dan rukun-rukun; iman itu boleh meningkat dan menurun.

Rukun Iman 6

1. Beriman kepada Allah.
2. Dan Malaikat-Nya.
3. Dan Kitab-Nya
4. Dan Rasul-Nya
5. Dan Hari Akhirat
6. Dan beriman dengan qadar-Nya, yang baik dan buruk.

Islam

laitu berserah diri sepenuhnya kepada Allah dengan tauhid, dan mengikat diri dengan-Nya dengan ketaatan dan berlepas diri daripada syirik dan ahlinya

Rukun-rukun Islam 5

1. Dua kalimah syahadah
2. Mendirikan solat
3. Menunaikan zakat
4. Berpuasa Ramadhan
5. Menunaikan haji bagi yang mampu

4 Pembahagian Perkara yang Haram

Dosa-dosa kecil

(Selain dosa-dosa yang besar) Dosa-dosa besar terpadam dengan istighfar, manakala dosa-dosa kecil menjadi dosa yang besar apabila ia berterusan dilakukan, seperti sabda baginda -selawat dan salam ke atas baginda-: "Janganlah kamu meremehkan dosa-dosa kecil, sesungguhnya dosa-dosa itu akan terkumpul dalam diri seseorang sehingga ialah membinasakannya."

Dosa-dosa Besar

Setiap apa yang telah ditentukan balasan azab yang khas) Seperti sihir, derhaka kepada ibu ayah, riba, zina, liwat, menipu, minum arak, mencuri, ghibah, membunuh manusia yang diharamkan Allah kecuali yang layak, memakan harta anak yatim

Syirik Kecil

(Tidak mengeluarkan daripada Islam, dosa besar daripada senarai dosa-dosa besar) Seperti mengatakan: "Apa yang Allah & kamu kehendaki.", bersumpah kepada selain Allah, menjadi riyak, azimat syirik, mempercayai sial, gelang tangan dan apa-apa sahaja seperti ini yang dipercayai untuk menjaga diri daripada penyakit ain.

Syirik Besar

(Terkeluar daripada Islam, tidak akan diampunkan jika mati dalam keadaan syirik akbar) Mempersekutukan Allah dengan selain-Nya, berdoa kepadanya seperti berdoa kepada Allah atau takut, berharap, mencintainya seperti haknya Allah atau memalingkan sebahagian daripada ibadah kepada selain-Nya.



Sifat Wudhu Nabi

Berniatlah untuk wudhu di dalam hati kemudian katakan: "Bismillah", kemudian terus membasuh kedua-dua telapak tangan.



1

Kemudian, ambillah air dengan telapak tangan kanan lalu berkumurlah dengannya, lalu keluarkan kumuran. Kemudian, masukkan air ke dalam rongga hidung «istinsyak», lalu keluarkan air dari hidung lalu memicit hidung dengan jari telunjuk dan ibu jari.



2

3. Kemudian, basuhlah muka. Pastikan ianya merangkumi sepanjang kawasan bermula daripada anak rambut kepala sehingga penghujung dagu dan janggut, juga kawasan di antara hujung telinga kanan hingga telinga kiri.



3

Kemudian basuhlah tangan dari hujung jari hingga ke siku; bermula dengan tangan kanan kemudian tangan kiri.



4

Kemudian, basuh keseluruhan kepalanya menggunakan kedua tangan; bermula dari bahagian depan kepalanya hingga ke belakang leher, lalu kembali semula ke tempat awalnya.




5

Kemudian, masukanlah kedua-dua jari telunjuk ke dalam kawasan terbuka kedua-dua telinga. manakala ibu jari membasuh bahagian luar telinga yang lainnya.



6

Kemudian, basuhlah kedua-dua kaki disertakan sekali kedua-dua buku lali,



7

- Hukum menambah lebih daripada kadar yang disyariatkan ?

Tidak boleh untuk menambah lebih daripada kadar yang disyariatkan dalam wudhu, seperti menambah lebih dari 3 kali basuhan, atau membasuh sehingga lengan iaitu lebih daripada kawasan siku, atau membasuh sehingga betis iaitu atas daripada buku lali, atau menambah basuhan leher ke dalam wudhu.



8

- Doa setelah selesai berwudhu :

"Aku bersaksi tiada tuhan yang layak disembah, melainkan hanyalah Allah, satu-satu-Nya sahaja tiada sekutu bagi-Nya, dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad hanyalah hamba-Nya dan rasul-Nya." Dalam al-Tirmidzi: "Ya Allah, jadikanlah aku tergolong dalam mereka yang sering bertaubat, dan jadikanlah aku antara orang yang bersih suci dari kekotoran."

9

- Pembatal-pembatal wudhu' :

- 1- Adanya sesuatu yang terkeluar dari qubul dan dubur, seperti membuang air kecil, membuang air besar atau kentut.
- 2- Hilangnya akal seperti tidur atau pengsan.
- 3- Makan daging unta.

10

Sifat Tayammum

Tayammum ialah : Menggantikan penggunaan air bersih kepada debu tanah, kerana tidak boleh menggunakan air untuk membasuh kesemuanya anggota wudhu atau sebahagian anggota, kerana ketiadaan air atau khuatirkan kemudharatan jika tetap menggunakan air.

1

Berniat untuk bertayammum di dalam hati, kemudian katakanlah "Bismillah", kemudian menepuk atas tanah dengan sekali tepukan, lalu menyapu keseluruhan wajahnya, lalu menyapu di belakang kedua-dua telapak tangan.



2

Tidak disyariatkan untuk membuka jari-jari ketika ingin menepuk ke atas debu tanah, dan tidak pula meratakan debu tanah antara jari-jari ketika menyapu telapak tangan.



3

Sifat mandi wajib

Berniat untuk mandi wajib di dalam hati, lalu katakanlah « Bismillah » secara perlahan. Kemudian ratakanlah air seluruh anggota badan, dan ratakan juga segala bahagian rambut dan juga anak rambut, juga disertakan dengan kumuran dan istinsyak «seperti yang diterangkan dalam bab wudhu.»

1

- Kewajiban mandi wajib :

- 1- Keadaan junub: Setelah keluarnya air mani setelah berjimak atau sebab yang lainnya, atau bertemunya kemaluan antara lelaki dan perempuan.
- 2- Keluarnya darah haid atau nifas.
- 3- Kematian, selain mati syahid.
- 4- Islamnya seorang kafir.

2





Disunatkan bagi imam dan yang solat seorang diri untuk menghadap sutrah (pembatas), dan sutrah imam merupakan sutrah bagi makmum yang solat dibelakangnya

Dan pandangannya fokus ke arah tempat sujud dan tidak berpaling ke arah lain.

Memastikan jarak antara kedua telapak kaki sama seperti jarak antara kedua bahunya, tidak lebih dan tidak kurang, serta menyamakan bahagian luar telapak kakinya.

Setelah semua syarat-syarat solat disempurnakan, dia bertakbir "Allahu Akbar" dengan mengangkat kedua telapak tangan sambil merapatkan jari-jarinya hingga sejajar dengan kedua telinga atau kedua bahunya, dan menghadapkan kedua telapaknya ke arah kiblat.




1

2

3

Kemudian meletakkan telapak tangan kanan di atas bahagian belakang tangan kiri, pergelangan tangan, dan lengan bawah, "di dadanya" atau dengan cara menggenggam.



4

Lalu disunatkan baginya untuk membaca doa iftitah pada rakaat pertama saja. Dan yang lebih utama adalah mempelbagai bacaan iftitah sebagaimana yang datang dari sunnah. Di antara bacaan iftitah: "Subhaanakallahumma Wa Bihamdik Wa Tabaaroka Ismuk Wa Ta'aala Jadduk Wa Laa Ilaaha Ghairuk".
Kemudian membaca ta'awwudz (minta perlindungan) yang menepati sunnah, seperti "A'udzu Billahi Minasy Syaithanir Rajim".

Kemudian membaca basmalah dan surat Al-Fatihah secara tersusun pada ayat-ayatnya, kata-katanya, huruf-hurufnya dan harakat-harakatnya. Bismillahir-rahmanir-rahim (1) Al-hamdu lillahi rabbil-'alamin (2) Ar-Rahmanir-rahim (3) Maliki yaumid-din (4) Iyyaka na'budu wa iyyaka nasta'in (5) Ihdinaş-şiratal-mustaqim (6) Şirataladżina an'amta 'alaihim ghairil-magđubi 'alaihim wa lad-dālin (7).

Lalu disunatkan untuk membaca apa yang mudah baginya dari ayat Al-Quran, tanpa dimulakan dengan ta'awwudz, dan membaca basmalah pada setiap awal surah sahaja.

5

Kemudian mengangkat tangannya sebagaimana yang ia lakukan pada takbiratul ihram, sambil mengucapkan "Allahu Akbar", lalu ruku' dengan menggenggam kedua lututnya dan tidak membengkok sikunya, serta meluruskan punggungnya hingga sejajar dengan kepalanya, dan wajib baginya membaca "Subhaana Rabbiyal 'Adzim" satu kali, dan disunatkan untuk menambah bacaan yang sunnah.



6

Kemudian ketika bangkit dari ruku' dan sebelum i'tidal, mengucapkan "Sami'allahu Liman Hamidah" disertai dengan mengangkat kedua tangan hingga sejajar dengan kedua telinga atau kedua bahu. Apabila telah i'tidal dan berdiri tegak, ia mengucapkan: "Rabbana Walakal Hamdu", dan disunatkan baginya untuk menambah bacaan yang sunnah.

Lalu mengucapkan takbir tanpa mengangkat kedua tangan sambil sujud dengan anggota tubuh yang tujuh: Kening, hidung, dua telapak tangan, dua lutut, dan jari-jari telapak kaki.

Menjajarkan antara kedua lengan, merenggangkan antara perut dan paha, serta antara paha dan betis, dan mengangkat kedua siku dari tanah.



7

Dan mengucapkan "Subhaana Rabbiyal A'la" satu kali (hukumnya wajib), dan disunatkan baginya untuk menambah bacaan yang sunnah. Dan boleh baginya untuk berdoa sesuai yang dia sukai. Namun yang lebih utama adalah berdoa dengan doa-doa yang sunnah.



8

Lalu mengucapkan takbir dan duduk di atas kaki kirinya, menegakkan kaki kanannya dengan menjadikan jari jemari kaki bahagian dalam di atas tanah, dan menghadapkan hujung jari-jarinya ke arah kiblat. Juga meletakkan telapak tangan pada hujung kedua pahanya, kemudian membaca "Rabighfiri". Duduk seperti ini dilakukan pada setiap rakaat dalam solat kecuali pada rakaat ketiga dan keempat pada tasyahud terakhir, maka ia duduk tawaruk iaitu dengan meletakkan kaki kiri dibawah betis kaki kanan.



9

Kemudian dia mengucapkan takbir dan sujud seperti sujud pertama, lalu dia mengucapkan takbir dan berdiri untuk rakaat kedua dan melakukannya seperti yang telah dilakukan pada rakaat pertama, namun pada rakaat yang kedua ini tidak ada takbiratul ihram dan doa iftitah



Apabila telah selesai dari sujud kedua, maka ia duduk untuk tasyahud.

Ia memberi isyarat dengan jari telunjuknya, dan melingkarkan jari tengah dengan ibu jari, menggerak-gerakannya sambil membaca doa tasyahud.



Membaca tasyahud dan selawat ibrahimiyyah : "Attahiyyatu lillahi washalawaatu waththayyibat, assalaamu alaika ayyuhan nabiiyu wa rahmatullahi wa barokaatuh, assalaamu 'alainaa wa 'alaa 'ibaadillahish shaalihin, Asyhadu alla ilaaha illallah wa asyhadu anna Muhammadan 'abduhu wa rosuluh, Allahumma shalli 'ala Muhammad wa 'ala aali Muhammad kama shallaita 'ala Ibroohim wa 'ala aali Ibroohim innaka hamiidun majiid, Allahumma baarik 'ala Muhammad wa 'ala aali Muhammad kama baarokta 'ala Ibroohim wa 'ala aali Ibroohim innaka hamiidun majiid.

Kemudian meminta perlindungan dari empat perkara, dengan membaca: "Allahumma inni a'udzu bika min 'azabi jahannam wa a'udzu bika min 'azabil qabri, wa a'udzu bika min fitnatid dajjal, wa a'udzu bika min fitnatil mahya wal mamat", kemudian berdoa sesuai yang diinginkannya, namun yang lebih utama dengan apa yang terdapat dalam sunnah. Seperti "Allahumma 'ainni 'ala zikrika wa syukrika wa Husni 'ibaadatika".

Lalu mengucapkan salam dua kali, ke kanan dan ke kiri sambil mengucapkan "assalamualaikum wa rahmatullah" dengan menolehkan kepalanya sahaja tanpa diikuti dengan bahunya, juga tanpa menggerakkan kepala dari atas ke bawah, serta tanpa pergerakan kedua telapak tangan.



10

Disusun Oleh: Dr. Haitham Sarhaan,
Pengajar Di Masjid Nabawi Dan Pembimbing Ma'had Al-Sunnah mahadsunnah.com

Hak Cipta Dan Penyebaran Terbuka Untuk Semua Orang
Untuk melihat terjemahan lain, sila layari (sarhaan.com) atau melalui kod QR berikut:





زكاة الفطر

Zakat Fitrah.



Bagaimana kamu mensucikan amalan berpuasa daripada kekotoran yang mencacatkannya?
Bagaimana ingin membahagiakan hati para fakir dan miskin, agar mereka berbahagia dengan
Aidilfitri sepertimana bahagianya kamu?

Perhatikanlah, hayatilah athar ini:

Dari Ibn Abbas – redha Allah ke atas mereka -, beliau berkata:

Rasulullah -selawat dan salam ke atasnya- telah menfardhukan zakat fitrah. Mensucikan orang yang
berpuasa dari kesia-sian percakapan dan kekejian perbuatan; dan ia menjadi kekenyangan bagi
orang-orang miskin.”

Zakat fitrah wajib ke atas semua muslim; untuk dirinya dan juga orang yang dibawah tanggungan
kewajibannya seperti isterinya, dan anak-anaknya.

Ia menjadi wajib apabila dia mempunyai makanan yang lebih untuk dirinya, dan juga untuk
keluarga pada hari tersebut.

Tidak disyaratkan untuk si pembayar zakat fitrah untuk mempunyai kekayaan dan jumlah harta
yang tertentu.

Kadar wajib bagi bagi setiap pembayar zakat ini mengikut timbangan makanan, biji-bijian,
buah-buahan yang menjadi makanan ruji manusia. Contohnya seperti buah tamar, nasi dan
kekacang.

Daripada Ibn Umar – redha Allah ke atas mereka – berkata bahawa:

Rasulullah – selawat dan salam ke atas baginda – telah menfardhukan zakat fitrah satu sha' tamar
atau satu sha' gandum, diberikan kepada hamba, yang merdeka, lelaki, wanita, kanak-kanak
mahupun yang dewasa, dari kalangan muslimin.

Baginda menyuruh untuk melaksanakannya sebelum manusia menunaikan solat. Wajib ketika
terbenamnya matahari di hari akhir bulan Ramadan.

Tunaikan zakat fitrah sebelum solat Aidilfitri, inilah yang paling afdhal.

Namun, tidak mengapa untuk tunaikan zakat sehari atau dua hari sebelum Aidilfitri, iaitu pada
malam hari ke dua puluh lapan Ramadan. Kerana bulan Ramadan boleh menjadi 29 hari atau 30
hari.

Siapa yang tidak menunaikan zakat fitrah kepada Aidilfitri, maka dia telah berdosa, kecuali ada
uzur baginya.

Wajib baginya untuk qadha.

Maka laksanakanlah zakat fitrah untuk kebaikan diri dan baiknya buku amalan.

Manasik Haji


Bahasa Melayu ماليزية

هَيْثم

Tawaf al-Qudum

Berjalan sebelum dua tanda hijau, kemudian selepasnya berlari dengan larian yang kuat di antara dua tanda hijau; ini khas untuk para lelaki.

2



7 putaran dari Hajar al-Aswad dan berakhir juga di Hajar al-Aswad.

Miqat bagi orang Syam dan Mesir ialah al-Juhfah, 186KM

Miqat bagi penduduk Madinah adalah Dzul Hulaifah, 420KM

Miqat bagi penduduk Iraq adalah Dzat 'Irq, 89KM

Miqat bagi penduduk Najd, Qarn al-Manazil, 99KM

Miqat bagi penduduk Yaman adalah Yamamlam, 99KM

1

Ihram

Niat untuk memulakan manasik

Jemaah haji yang pergi dengan kapal terbang berihram dari titik miqat terdekat ketika melalui di atasnya.



Sa'ie antara Safa dan Marwah

3



Hari kesepuluh

Membotakkan atau memendekkan rambut

Membotakkan atau memendekkan rambut bagi para lelaki, adapun bagi wanita cukup mencukur hujung rambutnya satu ruas jari.

Bermalam di Mina

Solat Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak di Mina, pada hari kelapan. Solat Subuh pada hari kesembilan

Malam kesembilan

Wukuf di Arafah

5

Bermula dari Zohor hari kesembilan hingga Subuh hari kesepuluh. Solat Zohor dan Asar di Arafah dengan jama' taqdim dan qasar

Hari kesembilan

Bermalam di Muzdalifah

6

Solat Maghrib dan Isyak di Muzdalifah, pada hari kesembilan dan Subuh pada hari kesepuluh.

Malam kesepuluh

Melontar Jamrah al-'Aqabah dengan tujuh batu

7



Hari kesepuluh

Melontar Jamrah dan bermalam di Mina.

12

Hari ke-11, 12, dan 13 bagi yang Nafar Thani

Melontar Jamrah Sughra, kemudian Wustha, kemudian Kubra setelah zawal (masuknya waktu Zohor)

8

Menyembelih haiwan korban untuk mereka yang haji Tamattu' dan Qiran.

Hari kesepuluh

Tawaf Ifadha

10



Hari kesepuluh

Sa'ie bagi yang Haji Tamattu' atau bagi mereka yang belum Sa'ie setelah Tawaf al-Qudum

11

Tawaf al-Wada'

13



Kewajiban tawaf gugur bagi wanita haid dan nifas.

- **Rukun Haji:** Siapa yang meninggalkan satu rukun, maka hajinya tidak sah, sehinggalah dia sempurnakannya.
- **Wajib-wajib Haji:** Siapa yang meninggalkan satu wajib haji, maka harus bayar Dam (denda).

alsarhaan.com
sarhaan.com

Manasik Umrah

Melayu

ملايوية

Tawaf

2

7 pusingan dari Hajarul Aswad dan berakhir juga di Hajarul Aswad.

Penamat Permulaan

Miqat bagi orang Syam dan Mesir ialah al-Juhfah, 186KM

Miqat bagi penduduk Madinah adalah Dzul Hulaifah, 420KM

Miqat bagi penduduk Iraq adalah Dzat 'Irq, 89KM

Miqat bagi penduduk Najd, Qarn al-Manazil, 99KM

Miqat bagi penduduk Yaman adalah Yalamlam, 99KM

1

Ihram

Niat untuk memulakan manasik

Jemaah haji yang pergi dengan kapal terbang berhram dari titik miqat terdekat ketika melalui di atasnya.

Tujuh pusingan

Berjalan sebelum dua tanda hijau, kemudian selepasnya berlari dengan larian yang kuat di antara dua tanda hijau; ini khas untuk lelaki.

Safa

Marwah

Sa'i antara Safa & Marwah

4

Solat di belakang Maqam Ibrahim (Apabila berkesempatan)

3

Larangan ihram

1 Membuang bulu, daripada bahagian kepala atau tubuh.

2 Memotong kuku

3 Memakai wangi-wangian

4 Menjalinkan pemikahan untuk diri sendiri atau orang lain.

5 Berhubung dengan wanita

6 Memburu haiwan darat.

Larangan khas bagi lelaki

Larangan khas bagi perempuan

1 Memakai pakaian yang menutup keseluruhan badan, seperti jubah atau membentuk sebahagian anggota tubuh.

2 Menutupi kepala dengan sesuatu yang melekat, seperti serban atau kopiah.

1 Menutup wajah dengan niqab atau burqa melainkan ketika ada kehadiran lelaki ajnabi, maka hendaklah ditutup wajahnya dengan tudung atau selainya.

2 Memakai sarung tangan.

Membotakkan rambut atau memendekkannya

5

Membotakkan rambut atau memendekkannya bagi lelaki, manakala bagi perempuan cukup memotong hujung rambutnya satu ruas jari.

Sunnah-Sunnah Umrah

1 Memotong kuku, dan mencukur rambut yang perlu dicukur sebelum niat ihram.

2 Mandi sebelum berhram 3 Menggunakan wangi-wangian di badan sebelum niat ihram bagi lelaki.

4 Menggunakan dua kain ihram berwarna putih bagi lelaki.

5 Mengucapkan talbiah "Labbaikallahumma Labbaik, Labbaika Laa Syarikalaka Labbaik, Innalhamda Wanni'mata Laka Walmulka Laa Syarikalaka" dari permulaan ihram hingga sebelum tawaf.

6 Idhtiba' ketika tawaf bagi lelaki, dengan membuka bahu yang kanan.

7 Mencium Hajarul Aswad. 8 Berlari-lari anak ketika pusingan tiga yang pertama.

9 Solat dua rakaat di belakang Maqam Ibrahim.



- • • • Bersatunya hati, kecintaan dan persaudaraan antara muslimin termasuk dalam maqasid syariah yang terpenting dalam Islam.
- • • • Kerana itu, Allah telah mensyariatkan ijtimā' (bersatu dalam jemaah) dalam kebanyakan ibadah kepada-Nya.

Antaranya solat Aidilfitri!

Nabi – selawat dan salam ke atas baginda – mengarahkan manusia untuk keluar solat Aidilfitri berjemaah. Seheinggakan disuruh wanita yang sedang haid untuk hadir mendengar khutbah Aidilfitri, baginda bersabda: “Hadirlah bersama dalam kebaikan dan bersama seruan para muslimin.”

Dan disunatkan untuk mandi, mengindahkan dan menghias diri untuk perhimpunan yang agung ini.

Disunatkan juga ketika Aidilfitri untuk menjamah buah tamar sebelum keluar untuk solat raya. Sesungguhnya baginda – selawat dan salam ke atas baginda – tidak makan di pagi hari Aidilfitri sehinggalah memakan buah tamar.

Bermulanya waktu solat dari naiknya matahari sekadar tinggi segalah, sehinggalah waktu tergelincirnya matahari.

Disunatkan juga solat di tempat yang terbuka dan di atas padang, bukan pula di masjid. Namun tidak mengapa untuk solat di masjid, apabila padang itu menyusahkan atau mudaratkan para jemaah ataupun payah untuk pergi ke sana, dan tidak disunatkan untuknya untuk azan dan iqamat.

Sesungguhnya baginda – selawat dan salam ke atas baginda – pergi solat raya Aidilfitri dan Aidiladha di atas padang.

Perkara pertama yang dimulakan perhimpunan ini ialah solat, dan solat Aidilfitri ini perlu didirikan dua rakaat.

Bertakbir pada rakaat pertama sebanyak 6 kali takbir, selepas Takbiratul Ihram dan doa iftitah, sebelum bacaan surah al-Fatihah.

Pada rakaat kedua pula, selepas takbir bangun dari sujud, bertakbir pula sebanyak lima kali. Perlulah untuk angkat tangan setiap kali bertakbir.

Hendaklah bertakbir, bertasbih dan bertahmid antara setiap takbir.

Disunatkan juga untuk membaca dalam solat dua rakaat itu dengan surah al-A'la dan al-Ghasyiah atau dengan surah Qaf dan al-Qamar.

Kemudian, imam akan berkhotbah selepas solat raya dengan dua khutbah, sepertimana solat jumaat. Disunatkan untuk para makmum untuk menghadiri khutbah tersebut.

Disunatkan juga untuk para makmum untuk pergi ke masjid awal pagi dengan berjalan kaki. Kemudian dia pulang ke rumahnya dengan jalan yang berbeza dengan jalan dia ke masjid awalnya.

Jika ada yang tertinggal solat Aidilfitri, disunatkan untuknya qadha solat itu dengan cara solat Aidilfitri yang asal.



Tidaklah sempurna kegembiraan raya,
Apabila tiadanya ketaatan kepada Yang Esa.
Laksanakanlah Aidilfitri dengan cara yang disyariatkan.

